

CNS7181

U GB 14-10 00182 BA251

aab

MAHATHIR SELAR TINDAKAN AS HALANG EAEC

Mahathir - EAEC

Daripada Azman Ujang

I

HONG KONG, 14 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengkritik hebat Amerika Syarikat (AS) kerana menghalang pembentukan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan mengingatkan mengenai kemungkinan tindak balas oleh rakan-rakannya di Asia Timur kerana mengamalkan sikap +pilih kasih+ itu.

Perdana Menteri berkata, bangkasan AS terhadap EAEC bukan sahaja menunjukkan sikap +pilih kasih+ tetapi juga amalan +perkauman+ kerana ia her-tegas mahu men jadi anggota EAEC.

Ketika bercakap pada jamuan tengah hari Kelab Wartawan. Asing di sini, Dr Mahathir, juga berkata, kebimbangan di kalangan sesetengah negara di Asia Timur bahawa EAEC akan dikuasai oleh Jepun tidak berasas kerana Jepun +tetap menjadi sekukuh Jepun sekarang dan Jepun akan datang, sama ada dengan adanya EAEC atau sebaliknya+.

Beliau berkata, EAEC cuba dihalang daripada dibentuk kerana bantahan kuat AS walaupun EAEC bertujuan menyediakan suara yang lebih kuat bagi negara-negara di Asia Timur dalam perundingan perdagangan dengan negara lain di dunia tanpa menjadi sebuah blok perdagangan. -- Lagi.

▼14/10/13-51MST

CNS7189

U GB 14-10 00175 BA252

aab

Mahathir - EAEC 2 Hong Kong

Ketika menjelaskan apa yang dimaksudkannya sebagai sikap pilih kasih AS, Dr Mahathir berkata, sedang ia bersikap anti EAEC, AS membentuk sebuah kumpulan perlindungan seperti Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) yang akan memberi keutamaan kepada anggotanya berbanding negara bukan anggota.

Cadangan Malaysia untuk mewujudkan EAEC bukan sahaja penting tetapi tidak boleh dielakkan kerana telah sekian lama suara daripada negara-negara membanyun seperti Malaysia atau kumpulan seperti Asean tidak dihormati.

+Tetapi forum serantau dengan China, Jepun serta keenam-enam negara anggota Asean akan memberi kesan yang lebih besar jika mereka menyuarakan pendapat yang sama mengenai masalah yang berkaitan kepentingan bersama,+ kata Dr Mahathir yang tiba semalam untuk lawatan tiga hari.

Beliau berkata, EAEC bukan suatu idea yang luar biasa kerana ia adalah kesinambungan Asean tetapi lebih bersifat kurang formal.

EAEC juga merupakan reaksi kepada kelewatan dalam perundingan Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) dan kecenderungan langkah perlindungan lain pasaran tunggal Eropah dan NAFTA, kata Dr Mahathir. -- Lagi.

▼14/10/14-03MST

CNS7225

U GB 14-10 00158 BA253

aab

Mahathir - EAEC 3 Hong Kong

EAEC tidak seharusnya menjadi kumpulan serantau seperti Asean atau blok perdagangan seperti NAFTA atau Kesatuan Eropah (EC) tetapi mengamalkan perdagangan bebas dunia.

Beliau berkata: +Jika EAEC boleh ditubuhkan, ia bukan sahaja dapat mengekalkan perdagangan bebas tetapi pembangunan ekonomi negara-negara yang kurang maju di Asia Timur.

+Ia akan mewujudkan kemakmuran sepanjang lingkungan dari Asia Timur Laut hingga ke Asia Tenggara. +

Sebagai menentang bantahan AS terhadap EAEC, Dr Mahathir berkata, oleh kerana ia akan mewujudkan pasaran yang mempunyai 1,800 juta orang bagi kawasan lain di dunia, ia pasti menjadi pasaran kaya bagi AS sendiri.

Dr Mahathir lalu menimbulkan persoalan kalau-kalau bantahan AS terhadap EAEC itu berpunca daripada kebiri-bangannya terhadap penguasaan Jepun disertai kekuatan ekonomi negara-negara Asia Timur di bklakangnya.

+Jika demikianlah halnya, maka ia amatlah malang. Boleh jadi, perkara asas pada pendapat AS ialah mengawal potensi lawannya, + katanya. -- Lagi.

▼14/10/14-54MST

CNS7239

U GB 14-10 00135 BA254

aab

Mahathir -- EAEC 4 Hong Kong

Beliau berkata China atau Korea Selatan tidak akan membiarkan Jepun memainkan peranan utama dalam EAEC.

Katanya: +Tidak ada pihak' yang akan menguasai EAEC. Dalam apa hal pun, ia tidak akan menjadi kumpulan yang formal. Jepun tetap akan sekukuh Jepun sekarang dan Jepun akan datang, sama ada dengan adanya EAEC atau sebaliknya.

+Tetapi, pengaruh kekuatan Jepun akan diperscimbangkan oleh China dan Korea Selatan, dua buah negara yang lebih bimbang daripada AS terhadap Jepun. Dengan membenarkan EAEC mempercepatkan pembangunan China dan Korea Selatan, ancaman Jepun akan dikurangkan.+

Sambil menjelaskan mengapa beliau berpendapat dasar anti-EAEC AS itu akan menyebabkan tindak balas, Dr Mahathir berkata, ia akan menimbulkan sakit hati walaupun di kalangan rakan-rakan AS sendiri di Asia Timur. -- Lagi.

▼14/10/15-11MST

CNS7250

U GB 14-10 00125 BA255

aab

Mahathir -- EAEC 5 (Akhir) I-long Kong

Dr Mahathir berkata, beliau pernah menimbulkan kemarahan AS dengan membayangkan bahawa terdapat elemen perkauman dalam sikapnya terhadap EAEC.

Beliau mempersoalkan penegasan AS supaya ia menjadi anggota EAEC.

Katanya, AS menegaskan bahawa sebarang kumpulan serantau negara-negara dalam Lingkaran Pasifik mesti memasukkan dirinya sebagai anggota tetapi AS tidak menganggotai beberapa pertubuhan serantau yang melibatkan negara-negara Amerika Latin di Lingkaran Pasifik atau Asean.

+Jika kedudukan sesebuah negara di pesisiran lautan yang besar melayakkannya menjadi anggota sesebuah pertubuhan serantau, maka AS hendaklah juga menjadi anggota EC, yang terdiri daripada negara-negara di Lingkaran Atlantik.

+Tetapi, AS tidak membuat sebarang tuntutan sedemikian. Jadi, menyapa AS berkeras mahu menganggotai EAEC?+ -- Bernama.

▼14/10/15-21MST